

Pendekatan Sastera Islam Moden

Rosni Samah
Nurhasma Muhamad Saad

Abstrak

Gema ke arah sastera Islam moden muncul seiring dengan gagasan kebangkitan Islam yang dipelopori oleh tokoh-tokoh reformasi Islam seperti Sheikh Abu Hassan al-Nadawi dan Sayyed Qutb. Gagasan mereka disambut baik oleh sarjana dan sasterawan Islam sehingga muncul beberapa penulisan yang membincangkan tentang pendekatan, dimensi, tema dan genre yang berhubung dengan sastera Islam. Kajian ini cuba menyingkap hubungan antara sastera dan agama, sastera dan Islam khususnya dan meneliti definisi yang dikemukakan oleh sarjana Islam. Bagi mendapatkan data berkaitan, kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumentasi yang berkaitan dengan permasalahan. Hasil menunjukkan terdapat hubungan yang rapat antara sastera dengan agama. Konsep ke arah sastera Islam telah pun dijelaskan oleh al-Quran. Sarjana Islam mengemukakan definisi yang terperinci sebagai panduan untuk berkarya.

Kata kunci: sastera Islam; syair; agama; ulama; al-Quran.

Abstract

The modern Islamic literatures were essentially pioneered and influenced by notable figures, such as Sheikh Abu Hassan Al Nadawi and Sayyed Qutub. Their approaches, dimensions, theme and genres of Islamic literatures were well received by literary scholars and Malay Muslims. It is the purpose of this research to analyze and to examine the relationship between literature and religion, and the definitions as purported by Muslim scholars. In order to obtain relevant data, this study analyzes the relevant documents related to modern Islamic literatures. The results show that there is a close relationship between literature and religion. The concepts of Islamic literatures are found to be consistent with the al-Quran as the Muslim scholars have detailed the definitions of Islamic literature to guide literary works.

Keyword: Islamic literature; poetry; religion; scholars; al-Quran.

Pendahuluan

Sastera Islam bermula sejak munculnya wahyu pertama kedatangan Islam kepada Nabi Muhammad s.a.w.. Al-Quran dan hadith merupakan sumber utama dalam perkembangan sastera Arab umumnya dan sastera Islam khususnya. Daripada kedua-duanya sasterawan Arab meniru gaya bahasa dan makna. Ia berkembang pada zaman permulaan Islam sebagai media dakwah untuk menentang musuh yang petah berkarya. Perkembangannya bertambah kuat dengan kemunculan beberapa tokoh sasterawan jahiliah yang menganut Islam.

Sastera Islam berkembang mengikut perkembangan agama Islam dan arus pemikirannya. Begitu juga muncul tema-tema baru dalam sastera tersebut dengan kemunculan aliran pemikiran seperti aliran sufi, syiah dan falsafah. Aliran ini lebih menekankan hubungan hamba dengan penciptanya. Karya-karya yang dihasilkan lebih menjurus kepada kesedaran dan kecenderungan hati suci kepada pencipta. Sastera Islam berkembang merentasi sempadan Semenanjung Arab dengan perkembangan pemerintahan dan penyebaran Islam seperti di Sepanyol dan Turki yang melahirkan tokoh sasterawan Islam yang bukan berketurunan Arab. Kemuncak perkembangan sastera Islam mula reda dengan kejatuhan pemerintahan Islam di Sepanyol dan Turki. Keadaan tersebut berlarut dengan kemasukan penjajah barat yang menjajah negara-negara Arab. Penjajah mula menyerapkan budaya dan nilai kehidupan mereka dalam budaya Arab. Nilai sastera Islam mula dipinggirkan sedikit demi sedikit terutamanya apabila muncul tokoh sasterawan yang berpendidikan barat yang membawa nilai-nilai budaya barat.

Dengan kemunculan arus kebangkitan semula kesedaran Islam dalam kalangan masyarakat, sastera Islam mula mendapat tempat dan diperkatakan oleh tokoh-tokoh reformasi. Mereka menyeru agar sastera Islam dihidupkan semula untuk memainkan peranan sebagai media dakwah. Di samping itu gambaran sastera Islam diperjelas dan diperdebatkan. Hasil daripada perdebatan tersebut muncullah penulisan dan buku-buku yang menghuraikan konsep sastera Islam. Kemuncak perkembangannya dapat dilihat dengan kemunculan sasterawan dan karya sastera Islam yang terdiri daripada puisi, cerpen, novel dan drama. Begitu juga dengan sukatan pelajaran yang dibentuk dan ditawarkan di peringkat universiti. Perkembangannya tersebar luas sehingga melepasi sempadan negara-negara Arab seperti Turki, India dan Malaysia. Hasil daripada perkembangan ini, tertubuhnya Liga Sastera Islam Sedunia yang bertempat di Riyadh dan mempunyai cawangan di beberapa negara lain termasuk negara bukan Arab seperti India.

Kajian ini mengupas tentang hubungan antara sastera dan agama secara amnya dan persepsi Islam terhadap sastera khususnya dengan memetik ayat-ayat al-Quran dan hadith yang berkaitan dengannya. Turut dibincangkan beberapa definisi yang dikemukakan oleh sarjana pada hari ini.

Sastera dan Agama

Sastera merupakan ungkapan seni yang muncul hasil daripada gelora perasaan, naluri dengan gambaran imaginasi tentang sesuatu realiti atau peristiwa yang berlaku mengikut pandangan dan bayangan sasterawan. Agama pula merupakan anutan yang dianuti oleh seseorang dan beriman kepada Yang Maha Kuasa seperti akidah dan nilai etika yang bercampur dengan perasaan yang tidak dapat dipisahkan keduanya. Oleh itu, jelas didapati bahawa hubungan antara sastera dengan agama merupakan hubungan yang rapat dan kuat (M. Ahmad 1986, 17). Ia merupakan hubungan tabiat semula jadi manusia yang mempunyai keganjilan atau mustahil untuk dipisahkan dan pertembungan antara keduanya, melainkan setelah dijadikan agama sebagai perkara nisbi dan sampingan kepada manusia, bukan lagi daripada fitrah semula jadi manusia.

Anutan keagamaan merupakan naluri fitrah yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia. Manusia akan berusaha untuk mencarinya di sekeliling kehidupan mereka sejak dilahirkan. Anutan tersebut merupakan teras dan paksi dalam jiwa mereka untuk terus hidup. Ini boleh dilihat kepada manusia yang menyembah matahari, bukit bukau, bintang dan sebagainya. Mereka mendapati wujud kekuatan dan keajaiban di sebalik anutan dan penyembahan tersebut (Ibrahim 'Iwadhain 1987, 13).

Agama yang disertakan dengan akidah dan nilai-nilai murni adalah asas yang menjadi tunjang utama kepada sasterawan untuk berkarya. Di samping itu, ia boleh mengilhamkan sasterawan tersebut tema-tema yang berkisar di sekelilingnya seperti akhlak, kehidupan dan sebagainya. Ia muncul hasil daripada anutan yang digabungkan dengan akidah dan

nilai-nilai kehidupan atau konflik persekitaran yang mengerakkan emosi sasterawan untuk berkarya. Akidah yang menguasai jiwa manusia dan sastra yang menggambarannya secara umum, bukanlah akidah samawi yang dibawa oleh para nabi, bahkan ia merupakan akidah semula jadi yang berkisar di sekitar kehidupan seseorang. Kemudian akidah tersebut berkembang sama ada berbentuk samawi yang diturunkan oleh Allah atau legenda yang dicipta oleh manusia. Akidah sebenar kepada Allah perlu dimiliki oleh sasterawan Islam dalam mengungkapkan karyanya.

Daripada perbincangan tersebut, jelas bahawa sastra dalam suasananya yang berbeza sejak kemunculannya, mempunyai hubungan yang rapat dan kuat dengan akidah. Ini kerana sastra muncul daripada pentas keagamaan. Hal ini jelas dapat dilihat daripada catatan sejarah yang memaparkan pertumbuhan dan perkembangan sastra dalam kalangan upacara keagamaan, contohnya syair Greek. Pada peringkat awal, ia muncul hasil daripada upacara keagamaan yang dilaungkan oleh pendeta agama. Syair Greek juga muncul dengan keadaan yang sama, ia mengandungi puji-pujian kepada tuhan mereka (Mahjat 1996, 25). Hal yang sama juga dapat dilihat dalam teater yang muncul di peringkat permulaan dalam suasana keagamaan. Ia mempunyai hubungan yang kuat dengan ketuhanan dan perayaan keagamaan. Dari sini muncul tragedi dan komedi daripada upacara keagamaan Greek yang berkisar konflik ketuhanan. Kemudian kekallah dua bentuk tersebut dalam perkembangan genre sastra yang kuat hubungannya dengan agama (Ali Abdul Wahid 1960, 61).

Dalam perkembangan sastra Rom pula, ia didapati mempunyai hubungan yang kuat antara sastra dan akidah. Di peringkat permulaannya, ia berkisar tentang upacara keagamaan yang berbentuk syair, manakala dalam perkembangan drama Rom, ia mempunyai persamaan dengan perkembangan drama Greek dalam hubungannya yang kuat dengan akidah (Muhammad Salem 1964, 81). Hal yang sama juga dapat dilihat dalam perkembangan sastra Eropah yang lain, khususnya sastra yang tercabang daripada sastra Latin. Kemunculannya disaluti oleh pengaruh akidah atau kepercayaan. Misalnya sastra Inggeris yang bermula dengan syair. Temanya berkisar tentang keagamaan dan kepahlawanan yang dapat dilihat ciri-ciri keistimewannya seperti berserah kepada takdir dan keberanian serta kepahlawanan (Mahjat 1996, 26). Sastra Perancis pula terpengaruh dengan roh keagamaan yang dominan pada zaman awal perkembangannya. Penyairnya percaya bahawa syair sebahagian daripada agama yang perlu diberi upacara khusus, iaitu upacara keagamaan.

Dalam perkembangan sastra Arab pula, bentuk syair merupakan bentuk sastra yang berkembang dengan begitu rancak di peringkat permulaan (Ikhlas Fakhri 1992, 43). Pada peringkat awal perkembangan Islam, syair merupakan senjata utama untuk menangkis serangan musuh dan mempertahankan kedaulatan Islam, khususnya kesucian akidah. Kemudian ia menjadi sumber utama untuk membangkitkan semangat pejuang Islam dalam peperangan menentang musuh di medan perang. Setelah Islam bertapak dengan mantap, bidang sastra khususnya syair dijadikan sebagai media dakwah yang membawa mesej Islam, iaitu akhlak dan pendidikan. Seterusnya ia memainkan peranan bagi memuji dan menonjolkan kehebatan Islam.

Sastra Mengikut Perspektif Islam

Dalam perkembangan Islam, bidang sastra sentiasa mendapat tempat, bahkan ia digunakan sebagai senjata dan media dakwah. Sastra yang ditolak oleh Islam ialah beberapa bentuk sastra yang bertentangan dengan akidah Islam. Ini tidak bermakna Islam menolak sastra secara total, tetapi menolak bentuk yang menyalahi kehendak akidah Islam dan nilai-nilai murni. Perhatian Islam terhadap sastra dapat dilihat di peringkat awal perkembangan Islam. Dikhususkan satu sudut dalam masjid Rasulullah s.a.w. yang didirikan sebuah mimbar untuk para sahabat bergilir-gilir menyampaikan khutbah dan ceramah.

Terdapat juga penyair yang mengambil kesempatan untuk mendeklamasi syair seperti Hassan bin Thabit. Beliau sentiasa mendeklamasi syairnya di atas mimbar tersebut. Syair beliau juga mendapat pujian daripada Rasulullah s.a.w.. Saidatina Aisyah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. mengkhususkan mimbar di dalam masjidnya kepada Hassan bin Thabit untuk mendeklamasi syairnya yang memberi penghargaan dan pujian kepada Nabi s.a.w.. Sabdanya:

“Sesungguhnya Allah dan malaikatnya membantu Hassan untuk menyatakan penghargaan dan sokongannya kepada Nabi”

(al-Bukhari 1987: 1176, no.3040).

Dalam perkembangan yang lain, Islam membawa perubahan yang besar dalam peranan sastera dan mengubah pandangan manusia terhadapnya. Diriwayatkan daripada Anas bin Malik bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda:

“Berjihadlah kamu untuk menentang orang-orang yang kufur kepada Allah dengan jiwa-jiwa kamu, harta-harta kamu dan lidah-lidah kamu”.

(Abu Dawud t.th.: 318, no.2506).

Lidah yang dimaksudkan ialah bidang sastera yang digunakan sebagai senjata berdakwah bagi mematahkan hujah musuh yang berbentuk syair (Sami Makki al 'Ani 1983). Zaman permulaan Islam, genre syair merupakan genre yang termasyhur dan dominan dalam kalangan masyarakat. Ia menjadi senjata musuh untuk menentang Islam. Dengan gaya yang sama, penyair Islam menggunakan syair bagi mematahkan hujah musuh. Dalam perkembangan Tamadun Islam, Nabi s.a.w. memberi perhatian kepada syair, bertanyakan masalah kepada penyair serta duduk mendengar syair mereka dan memberi beberapa teguran bagi membetulkan mesej sebenar yang dibawanya. Teguran ini tidak bermakna semua syair diterima kerana ada juga syair yang tidak menepati kehendak akidah Islam ditolak oleh baginda. Antara hadith yang menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. menolak syair, adalah peristiwa yang diriwayatkan daripada Abi Saïd al-Khudri:

“Bahawa pada suatu masa ketika kami bersama-sama dengan Nabi melintasi satu kawasan antara Mekah dan Madinah, tiba-tiba muncul seorang penyair dan terus bersyair. Lalu Nabi berkata, “Dapatkan syaitan ini dan tangkapkannya. Lebih baik dipenuhi perut seseorang dengan najis kotoran nanah daripada dipenuhi dengan syair”

(Muslim t.th.: 50, no. 6032).

Ini bermakna Nabi s.a.w. menolak syair yang bertentangan dengan etika akidah Islam. Nabi s.a.w. tidak menolak syair secara total (Ikhlas Fakhri 1992, 31). Al-Quran juga tidak menolak syair secara total bahkan terdapat beberapa ayat yang menerangkan sikap al-Quran terhadap syair yang menyeleweng daripada akidah Islam. Terdapat enam tempat di dalam al-Quran yang menyebut perkataan syair dan kata terbitan daripadanya. Lima tempat daripadanya, al-Quran menjelaskan usaha orang-orang kafir Quraisy dalam memfitnah dan menuduh Nabi s.a.w. sebagai penyair. Selepas mereka mendengar ayat-ayat tersebut, mereka kagum dengan kehebatan al-Quran dan kesannya kuat terhadap pemikiran dan jiwa. Mereka tidak lagi melontarkan fitnah tersebut. Walau bagaimanapun mereka gagal meyakini ayat tersebut, lalu mereka mencari alasan yang boleh menyokong usaha mereka. Firman Allah:

بَلْ قَالُوا أَضْغَثُ أَحْلَمٍ بَلِ افْتَرَاهُ بَلْ هُوَ شَاعِرٌ فَلْيَأْتِنَا بِآيَةٍ كَمَا

أُرْسِلَ الْأَوْلُونَ

Maksudnya:

Bahkan mereka berkata: Al-Quran itu adalah perkara mimpi, bahkan perkara yang diada-adakan, bahkan Muhammad sendiri seorang penyair. Maka hendaklah ia

membawa kepada kita satu mukjizat sebagaimana mukjizat-mukjizat yang dibawa oleh rasul-rasul yang telah diutus dahulu.

(Al Anbiyaa': 5)

Al-Quran menjawab keraguan kaum Quraisy ini dengan menyatakan bahawa ia adalah wahyu daripada Allah dan menafikan tuduhan mereka terhadap Nabi s.a.w. bahawa baginda adalah penyair serta menafikan juga bahawa al-Quran itu adalah syair. Firman Allah:

وَمَا عَلَّمْنَاهُ الشِّعْرَ وَمَا يَنْبَغِي لَهُ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْآنٌ مُّبِينٌ ﴿٦٩﴾ لِيُنذِرَ مَنْ كَانَ
حَيًّا وَيَحِقَّ الْقَوْلُ عَلَى الْكَافِرِينَ ﴿٧٠﴾

Maksudnya:

Dan Kami tidak mengajarkan syair kepadanya, dan tidak sesuai baginya bersyair. Tidak lain melainkan pengajaran dan Kitab yang memberi penerangan. Supaya ia memberi peringatan kepada orang yang sedia hidup hatinya, dan supaya nyata tetapan hukuman azab terhadap orang yang kufur ingkar.

(Yaa Siin: 69-70)

Ayat ini menjelaskan bahawa al-Quran adalah ayat Allah yang benar dan tiada keraguan. Kehebatannya tidak dapat ditandingi oleh penyair. Ayat-ayat di atas menafikan tuduhan dan dakwaan orang-orang Musyrikin terhadap Nabi s.a.w. dan al-Quran. Terdapat juga ayat-ayat al-Quran yang menceritakan tentang percakapan orang-orang Musyrikin ketika mereka menuduh Nabi dan menyifatkannya sebagai penyair gila. Firman Allah:

وَيَقُولُونَ آيْنَا لَتَارِكُوا آلِهَتَنَا لِشَاعِرٍ مَّجْنُونٍ ﴿٣٦﴾ بَلْ جَاءَ بِالْحَقِّ وَصَدَقَ الْمُرْسَلِينَ
﴿٣٧﴾

Maksudnya:

Dan mereka berkata: Patutkah kami meninggalkan tuhan-tuhan yang kami sembah, kerana ajakan seorang penyair gila? Bahkan ia telah datang dengan membawa kebenaran, dan membenarkan rasul-rasul sebelumnya.

(As Saaffaat: 36-37)

Dalam ayat yang lain, Allah menyebut kata-kata mereka yang menyifatkan Nabi sebagai penyair. Firman Allah:

فَذَكَرْنَاكَ أَنْتَ بِنِعْمَتِ رَبِّكَ بِكَاهِنٍ وَلَا مَجْنُونٍ ﴿٢٩﴾ أَمْ يَقُولُونَ شَاعِرٌ نَتَرَبِّصُ
بِهِ رَبِّ الْمُنُونِ ﴿٣٠﴾ قُلْ تَرَبِّصُوا فَإِنِّي مَعَكُمْ مِنَ الْمُتَرَبِّصِينَ ﴿٣١﴾

Maksudnya:

Maka berilah peringatan, dengan nikmat Tuhanmu. Kamu bukanlah seorang pawang dan bukan pula seorang gila. Bahkan mereka mengatakan: Muhammad itu seorang penyair yang kami tunggu saat kebinasaannya. Katakanlah: Tunggulah kamu, maka sesungguhnya aku juga dari orang yang menunggu bersama kamu.

(Al-Tuur: 29-31)

Al-Quran menolak dengan keras tuduhan tersebut dengan menafikan al-Quran bukan merupakan syair seperti yang ditimbulkan. Firman Allah:

وَمَا لَا بُصُرُونَ ﴿٣٩﴾ إِنَّهُ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿٤٠﴾ وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَاعِرٍ قَلِيلًا مَّا نُوْمِنُونَ ﴿٤١﴾
وَلَا يَقُولُ كَاهِنٌ قَلِيلًا مَّا نَذْكُرُونَ ﴿٤٢﴾

Maksudnya:

Dan segala (yang ghaib) yang kamu tidak melihatnya. Bahawa sesungguhnya al-Quran itu ialah (wahyu dari Kami) yang disampaikan oleh Rasul yang mulia. Dan bukanlah al-Quran itu perkataan seorang penyair (sebagaimana yang kamu dakwakan, tetapi sayang!) amatlah sedikit kamu beriman. Dan juga bukanlah al-Quran itu perkataan seorang pawang, amatlah sedikit kamu mengambil peringatan.

(al-Haaqqaah: 39-42)

Daripada ayat-ayat di atas, jelas bahawa al-Quran tidak menolak seni sastera, tetapi menolak kumpulan yang memfitnah al-Quran sebagai syair dan Nabi s.a.w. sebagai penyair. Al-Quran juga membincangkan tentang penyair-penyair yang menyesatkan orang lain di sebalik syair mereka. Mereka tidak membezakan antara perkara baik dengan buruk. Mereka meruntuhkan maruah dengan syair-syair mereka, menggoda wanita dan mencela wanita yang baik. Mereka juga memuji orang yang tidak sepatutnya dipuji, dan mencaci orang yang tidak sepatutnya dicaci. Lantaran itu, Allah mendatangkan ayatNya yang menjelaskan sikap yang perlu ada pada seseorang penyair. Firman Allah:

وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ ﴿٢٢٤﴾ أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَهِيمُونَ ﴿٢٢٥﴾ وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ ﴿٢٢٦﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا اللَّهَ كَثِيرًا وَانصَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيَّ مُنْقَلَبٍ يَنْقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

Maksudnya:

Dan ahli-ahli syair itu, diturut oleh golongan yang sesat, tidak berketentuan hala. Tidakkah engkau melihat bahawa mereka merayau-rayau dengan tidak berketentuan hala dalam tiap-tiap lembah (khayal dan angan-angan kosong)? Dan bahawa mereka memperkatakan apa yang mereka tidak melakukannya? Kecuali orang yang beriman dan beramal soleh (dari penyair-penyair itu), dan mereka pula mengingati Allah banyak-banyak, serta mereka membela diri sesudah mereka dianiaya. Dan (ingatlah), orang yang melakukan sebarang kezaliman, akan mengetahui kelak, ke tempat mana, mereka akan kembali.

(Asy-Syu'araa':224-227)

Pada awal ayat ini, Allah menjelaskan penyair yang dicela kerana mereka tidak mempunyai hala tuju serta banyak berbohong. Kemudian Allah menjelaskan penyair yang diterima oleh Allah adalah yang beriman kepadaNya dan mendapat hidayahNya serta mengikut ajaran yang dibawa oleh Nabi s.a.w. di samping menyumbang tenaga ke jalan kebaikan dengan perbuatan atau perkataan. Mereka ini ialah orang yang selalu menyebut dan mengingati Allah serta menyatakan kebesaranNya.

Ayat-ayat di atas jelas menunjukkan bahawa al-Quran membezakan antara dua kumpulan penyair. Pertama ialah kumpulan yang ditolak kerana mereka menggunakan syair dengan cara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kedua ialah golongan penyair yang diterima oleh Islam kerana mereka merupakan orang-orang yang beriman dan berzikir kepada Allah serta menggunakan syair untuk jalan kebaikan (Sami Makki al 'Ani 1983, 45).

Kesimpulan daripada perbincangan di atas menunjukkan bahawa Islam tidak menolak sastra khususnya syair secara total, tetapi ia membanteras corak sastra atau syair yang terkeluar dari batasan akidah Islam. Sastra merupakan sebuah ungkapan. Jika baik ia, maka baiklah ungkapan tersebut, tetapi jika buruk ia, maka buruklah ungkapan itu. Kebaikan dan keburukan ini berlaku hasil daripada peribadi sasterawan atau penyair yang digambarkan dalam karya mereka. Ungkapan ini boleh diumpamakan seperti firman Allah:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ
وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ﴿٢٤﴾ تُؤْتِي أُكْلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ
الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٥﴾ وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ
خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ ﴿٢٦﴾ يَثْبُتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا
بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ
وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ ﴿٢٧﴾

Maksudnya:

Tidakkah engkau melihat bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, akar tunjangnya tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Ia mengeluarkan buahnya pada setiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah membuat perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat. Dan perbandingan kalimah yang buruk seperti pohon yang tidak berguna yang terjungkit akar-akarnya dari bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup. Allah menetapkan pendirian orang yang beriman dengan kalimah yang tetap teguh dalam kehidupan dunia dan akhirat; dan Allah menyesatkan orang yang berlaku zalim; dan Allah berkuasa melakukan apa yang dikehendaki-Nya.

(Ibrahim: 24-27)

Beberapa Definisi Sastra Islam

Sastra Islam moden merupakan arus mazhab sastra yang muncul hasil daripada kebangkitan pergerakan Islam. Arus ini bertujuan untuk menghidupkan semula sastra Islam dan memartabatkan karya kreatif sebagai media dakwah seperti yang pernah dicapai pada zaman permulaan Islam dahulu. Seruan ke arah bersastra mengikut perspektif Islam mula dirasai sejak dekad empat puluhan lagi. Tokoh pelopor dalam bidang ini ialah Sayyed Qutb yang merupakan seorang sarjana Arab pertama yang mengemukakan pandangan tentang teori sastra Islam. Kemunculan penulisannya itu memberi kesan positif kepada perkembangan teori sastra Islam.

Sayyed Qutb (1948, 8) mendefinisikan sastra Islam sebagai ungkapan tentang pergolakan atau dorongan perasaan dalam bentuk yang boleh memberi inspirasi. Kemudian Sayyed Qutb (1993, 11) menghurai definisi tersebut dengan lebih jelas dengan menyatakan bahawa sastra Islam adalah ungkapan inspirasi tentang nilai-nilai dinamis yang bergolak dengan perasaan sasterawan yang terpancar daripadanya gambaran khusus tentang kehidupan dan hubungannya antara manusia dan alam dengan hubungan sesama manusia.

Kedua-dua definisi tersebut menggambarkan bahawa bersastera mengikut perspektif Islam perlu berlandaskan kepada dua perkara pokok. Pertama; pergolakan dalaman atau dorongan perasaan yang jujur. Pergolakan dalaman atau dorongan perasaan berlaku dalam jiwa sasterawan hasil daripada sesuatu pengaruh luar atau situasi yang boleh mengerakkan perasaannya, lalu digambarkannya dengan ungkapan indah yang dapat mempengaruhi jiwa masyarakat supaya mereka dapat merasai seperti apa yang dirasainya. Kedua; ungkapan dinamis yang indah tentang pergolakan dalaman atau dorongan tersebut yang memberi inspirasi kepada nilai-nilai murni. Ungkapan yang dimaksudkan bukan merupakan ungkapan kosong semata-mata, tetapi yang dikehendaki ialah ungkapan yang dapat membentuk satu gambaran indah, dinamis, memberi inspirasi, memberi kesan dan boleh menimbulkan pergolakan perasaan dalam jiwa orang lain (Saleh Adam Bilu 1985, 52).

Sekilas pandang, didapati bahawa definisi Syyed Qutb tidak menggambarkan dengan jelas tentang pengertian sastera Islam, sebaliknya lebih mirip ke arah bersastera atau berseni secara umum. Sastera Islam mempunyai garis panduan dan syarat-syarat mengikut perspektif Islam. Namun, daripada definisi tersebut, perkataan 'gambaran khusus bagi kehidupan dan hubungannya menjelaskan kehendak sastera Islam sebenar kerana dalam Islam sendiri terdapat gambaran khusus tentang kehidupan yang terpancar daripadanya nilai-nilai tersebut yang mempunyai sifat-sifat tersendiri. Gambaran tersebut berbeza dengan gambaran yang menyalahi gambaran yang bukan daripada perspektif Islam. Sayyed Qutb (1992 28) menjelaskan bahawa sastera Islam adalah ungkapan yang lahir daripada jiwa yang dipenuhi dengan semangat dan kesedaran Islam.

Muhammad Qutb (1981, 6) mendefinisikan seni Islam yang merangkumi di dalamnya sastera Islam sebagai ungkapan indah tentang alam, kehidupan dan manusia mengikut perspektif Islam terhadap perkara tersebut. Ungkapan indah yang dimaksudkan ialah ungkapan yang memenuhi ciri-ciri berkarya atau bersastera sama ada dalam bidang syair atau prosa seperti novel, cerpen dan teater. Jika ungkapan tersebut tidak memenuhi ciri-ciri tersebut, maka ia tidak tergolong dalam golongan sastera.

Bagi mencapai penilaian sastera Islam yang sebenar, sesuatu karya tersebut hendaklah dinilai dalam dua peringkat. Pada peringkat pertama ialah dari sudut nilai sasteranya, sama ada ia memenuhi kehendak ciri-ciri sastera atau tidak. Sekiranya ia memenuhi kehendak ciri-ciri tersebut barulah dinilai pula di peringkat kedua, iaitu dari sudut Islamnya atau tidak. Garis pengukur bagi menentukan sesuatu karya itu digolongkan dalam golongan sastera Islam ialah perspektif Islam bagi tema dan mesej yang hendak diungkapkannya. Sekiranya ia lahir dari jiwa sasterawan yang mempunyai pengetahuan dan kesedaran Islam serta menepati kehendak nilai sastera dan perspektif Islam, maka sudah tentu ia memenuhi kehendak sastera Islam. Tetapi jika sebaliknya, ia tidak dikira sebagai sastera Islam (Ahmad 1991,64).

Imaduddin (1987, 69) menyatakan bahawa sastera Islam ialah ungkapan indah tentang gambaran Islam terhadap alam, kehidupan dan manusia yang boleh memberi pengaruh. Abdul Rahman (1996, 92) pula mendefinisikan sastera Islam sebagai ungkapan seni yang bermotif tentang realiti kehidupan, alam dan manusia berdasarkan perasaan sasterawan yang terpancar daripadanya gambaran Islam tentang hubungan Allah dengan makhluknya atau sebaliknya. Boleh disimpulkan bahawa sastera Islam ialah satu tema yang muncul dalam bentuk ungkapan dengan gaya bahasa yang baik hasil daripada pergolakan pemikiran dan perasaan yang berlaku kesan daripada sesuatu peristiwa. Ia tercetus ketika bakat sastera mendorong sasterawan untuk berkarya.

Secara keseluruhannya definisi sastera Islam yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana tersebut adalah berteraskan kepada dua perkara utama iaitu ungkapan indah dan gambaran atau perspektif Islam tentang alam, kehidupan dan manusia. Hasil daripada gabungan kedua-dua unsur tersebut maka lahirlah sastera Islam.

Unsur pertama iaitu ungkapan indah yang bertujuan untuk menilai sesebuah karya supaya boleh digolongkan dalam golongan karya sastera atau tidak. Unsur ini merupakan

bakat atau keupayaan kreatif yang perlu ada pada peribadi seseorang sasterawan Islam. Unsur kedua pula, ialah gambaran atau perspektif Islam tentang alam, kehidupan dan manusia. Ia bertujuan untuk menilai sesuatu karya sastera yang dihasilkan itu supaya dapat digolong dalam golongan sastera Islam atau sebaliknya. Sebenarnya unsur kedua ini dapat dicapai selepas terhasilnya unsur pertama. Sesuatu karya sastera dapat digolong dalam golongan sastera Islam dengan memenuhi dua unsur tersebut yang merupakan garis pengukur bagi sastera Islam.

Hasil daripada perbincangan teori sastera Islam di atas, dapat dirumuskan bahawa sasterawan Islam hendaklah berpandukan kepada perspektif Islam tentang alam, manusia dan kehidupan dalam sesebuah karya. Dengan termeterainya dua unsur tersebut dalam sesebuah karya sastera, maka terhasillah sastera Islam. Daripada definisi yang dibincangkan, jelas menggambarkan bahawa ia memusatkan perbincangan kepada dua unsur tersebut, bagi menilai sesebuah karya sastera Islam dan merupakan garis pengukur bagi sastera tersebut.

Dari perbincangan ini, jelas bahawa sastera Islam juga mempunyai hubungan yang rapat dengan sasterawan Islam yang merupakan sumber kemunculannya. Dari sini dapat difahami bahawa sastera Islam hendaklah lahir daripada sasterawan Islam. Walau bagaimanapun terdapat juga karya sastera yang mempunyai nilai-nilai murni dan gambaran seperti yang dikehendaki oleh Islam yang dicipta oleh sasterawan bukan Islam. Karya sastera seperti ini tidak boleh digolong dalam golongan sastera Islam. Sebaliknya dinamakan sastera berunsur Islam atau sastera fitrah manusia yang memerlukan kepada nilai-nilai kebaikan semula jadi (Muhammad Hasan 1992, 159). Di samping itu juga terdapat sasterawan Islam yang melahirkan karya mereka, tetapi tidak menepati kehendak perspektif sastera Islam, maka ia juga tidak dinamakan sebagai sastera Islam meskipun dihasilkan oleh orang Islam. Sastera Islam hendaklah lahir dari jiwa sasterawan Islam yang berpegang kepada akidahnya, keimanan, amalan, budi pekerti dan akhlak. Perkara tersebut perlu bagi melahirkan karya sastera yang membawa mesej Islam dengan penuh kesedaran dan keinsafan kepada masyarakat. Ini tidak bermakna bahawa sastera Islam hanyalah membincangkan soal ibadah sahaja, sebaliknya sastera Islam mempunyai dimensi dan ruang lingkup yang luas. Ia merangkumi bidang alam, kehidupan dan manusia serta hubungannya dengan penciptanya. Pada hakikatnya sastera Islam merupakan media dakwah yang merangkumi seluruh aspek kehidupan.

Daripada perbincangan di atas, dapat dibentuk satu definisi sastera Islam dengan pengertian yang merangkumi syarat-syarat yang dibincangkan iaitu ungkapan indah tentang alam, kehidupan dan manusia serta hubungannya dengan penciptanya mengikut perspektif Islam yang lahir dari jiwa sasterawan Islam yang berpegang kepada akidahnya dengan penuh kesedaran untuk menyampaikan mesej Islam kepada manusia sejagat. Hasil daripada definisi tersebut, dapat dirumuskan bahawa untuk memenuhi kehendak sastera Islam, akidah adalah asas kepada kemunculannya. Ia merupakan niat suci yang muncul daripada kesedaran sasterawan untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat dalam karyanya. Unsur kedua ialah sasterawan Islam. Terdapat juga karya sastera yang dibawa oleh sasterawan bukan Islam dengan penuh nilai kemanusiaan. Karya sastera seperti ini tidak digolongkan dalam sastera Islam kerana sasterawannya bukan Islam. Ia hanya dinamakan sastera kemanusiaan. Unsur ketiga ialah gambaran yang digambarkan oleh sasterawan atau tema yang dibawanya. Tanpa tema yang jelas dan membawa mesej, karya tersebut tidak dinilai sebagai sastera Islam. Unsur keempat ialah ungkapan indah yang muncul daripada sasterawan Islam. Ungkapan indah inilah yang dinilai sama ada ia digolong dalam golongan sastera atau tidak. Hasil gabungan daripada keempat-empat unsur ini terhasillah sastera Islam yang dapat membawa mesej dan nilai-nilai murni kepada masyarakat.

Penutup

Hubungan antara sastera dengan agama merupakan hubungan yang rapat hasil daripada naluri semula jadi yang dianugerahkan Allah kepada manusia. Agama merupakan asas nilai murni yang diungkapkan melalui sastera terutamanya dalam upacara keagamaan. Dalam perkembangan Islam pula, sastera merupakan satu wadah untuk berdakwah dan senjata untuk menentang musuh. Penyair-penyair Islam menggunakan syair mereka untuk mematahkan hujah musuh yang petah bersyair. Al-Quran telah menggariskan beberapa panduan untuk bersastera. Kesenambungan daripada panduan yang digariskan oleh Islam lahirlah sarjana dan sasterawan yang mengemukakan definisi sastera Islam sebagai panduan kepada masyarakat. Prosesnya bermula dengan kesedaran yang wujud dalam diri sasterawan Islam melalui ungkapan indah. Hasil daripada ungkapan indah itu, lahirlah sastera Islam dengan pelbagai genre yang dapat menyelesaikan isu kehidupan masyarakat.

Rujukan

Al-Quran.

Abdul Rahman Basha. 1996. *Nahwa Mazhab Islami fi al-Adab wa al-Naqd*. Kaherah: Dar al-Adab.

Abu Dawud, Sulayman bin al-'Ash'ath al-Sijistani. t.th. *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi.

Abu Hussayn, Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushayri al-Nisaburi. t.th. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Jil wa Dar al-Afaq al-Jadidah.

Ahmad Muhammad Ali. 1991. *Al-Adab al-Islam - Dharurah*. Kaherah: Dar al-Shahah.

Ali Abdul Wahid Wafi. 1960. *Al-Adab al-Yunani al-Qadim*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.

Al-Bukhari, Abu Abdullah, Muhammad bin Ismail al-Ja'fi. 1987. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir

Ibrahim 'Iwadhain. 1987. *Al-Islam fi al-Adab al-Arabi al-Mu'asir*. Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah.

Ikhlas Fakhri. 1992. *Al-Islam wa al-Sye'ri*. Kaherah: Maktabah al-Adab.

Imaduddin Khalil. 1984. *Fi Naqdi Islami Mu'asir*. Beirut: Mua'sasah Risalah.

M. Ahmad Hamdan. 1986. *Nahwa Nadzariat al-Adab al-Islami*. Jedah: Dar Manhal.

Mahjat Muhamad Kamil. 1996. *Qadhaya wa Aara' Hawla al-Adab al-Islami*. Kaherah: Universiti al-Azhar.

Muhammad Hasan Barighas. 1992. *Al-Adab Al-Islami: Usuluhu Wasimatuhu*. Aman: Dar al-Bashir.

Muhammad Qutb. 1981. *Manhaj al-Fanni al-Islami*. Beirut: Dar al-Syuruq.

Muhammad Salem. 1964. *Tarikh al-Adab al-Rumani*. Kaherah: Wazirah Ta'limi 'Ali.

Saleh Adam Bilu. 1985. *Min Qadhaya al-Adab al-Islami*. Jedah: Dar al-Manarah.

Sami Makki al-'Ani. 1983. *Al-Islam wa al-Sye'ri*. Kuwait: 'Alam al-Ma'rifah.

Sayyed Qutb. 1993. *Fi al-Tarikh Wa al-Manhaj*. Kaherah: Dar al-Syuruq.

_____. 1948. *Al-Naqd al-Adabi*. Beirut: Dar al-Syuruq.

_____. 1992. *Madkhal Ila Nazariyyat al-Adab al-Islami*. Beirut: al-Risalah.

ROSNi SAMAH

Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai

71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

Emel: rosn@usim.edu.my

NURHASMA MUHAMAD SAAD

Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai

71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Emel: nurhasma@usim.edu.my